

27 SEP 2000

Tajol-Pelaburan

KERAJAAN NEGERI SEDIA LONGGAR SYARAT YANG MENYUSAHKAN PELABUR

IPOH, 27 Sept (Bernama) -- Kerajaan negeri bersedia melonggarkan atau menarik balik mana-mana syarat yang menjejaskan kedatangan pelabur asing ke negeri ini, kata Menteri Besar Perak Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali.

Beliau berkata kerajaan negeri sebaliknya telah mewujudkan pelbagai galakan seperti pekej pelaburan yang menarik kepada pelabur asing yang berminat untuk melabur di negeri ini.

"Bagaimanapun jika wujud syarat-syarat yang membebankan pelabur yang tidak kita sedari, kerajaan negeri sedia menarik balik syarat-syarat itu", katanya kepada pemberita selepas melawat stesen RTM Ipoh hari ini.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata terdapat kerajaan negeri yang mengadakan pelbagai syarat tambahan hingga menjejaskan minat pelabur asing untuk melabur di negeri masing-masing.

Tajol berkata pada masa ini kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) turut memastikan kos tanah industri di negeri ini pada paras yang sangat rendah iaitu RM8 sekaki persegi, lebih rendah daripada paras di Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang.

Selain itu kerajaan negeri juga memastikan pelabur asing yang melabur dengan jumlah yang besar sentiasa dibantu oleh pegawai kerajaan bagi memastikan projek mereka berjalan dengan lancar.

Tajol juga berkata dalam usaha mencapai matlamat sifar setinggan menjelang tahun 2005, kerajaan negeri akan membina 6,100 unit rumah kos rendah setiap tahun mulai tahun ini

Beliau berkata 10 pemaju perumahan telah dikenal pasti untuk membangunkan kawasan perumahan mengandungi 100 peratus kos rendah di sekitar Ipoh, Taiping, Pengkalan Hulu, Kampar dan Tapah untuk tempoh tahun ini.

"Setiap pemaju dikehedaki membina sekurang-kurangnya 500 unit rumah kos rendah yang perlu disiapkan dalam tempoh 18 bulan," katanya.

Beliau berkata kerajaan negeri juga telah memperuntuk kawasan seluas 40 hektar untuk dimajukan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Diperbadankan sebagai kampung tersusun khas untuk kakitangan kerajaan.

Sebanyak 80 hektar lagi disediakan untuk kakitangan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) bagi tujuan yang sama, katanya.

Tajol berkata bagi pegawai kerajaan yang bersara dalam negeri ini kerajaan negeri akan menawarkan tapak rumah dengan kadar yang rendah iaitu RM2.50 sekaki persegi untuk mereka membina rumah manakala bagi rakyat termiskin pula kerajaan negeri akan memberi tapak dan membina rumah bernilai RM10,000 untuk diberikan percuma kepada mereka.

-- BERNAMA

HK NMO